



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 21 JUN 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM STUDYING PROPOSAL TO SET UP SPECIAL AGENCY TO IMPROVE FOOD SECURITY, NATION, SIN CHEW DAILY -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KPKM TELITI CADANGAN AGENSI KHUSUS TINGKAT KETERJAMINAN MAKANAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2	
3.	KPKM TELITI CADANGAN PENUBUHAN AGENSI KHUSUS TINGKAT KETERJAMINAN MAKANAN, LOKAL, HM -16	
4.	MAFS: TO SET UP SPECIAL AGENCY TO IMPROVE FOOD SECURITY, NEWS, GUANG MING DAILY -A4	
5.	DEPUTY MAFS MINISTER: GOVERNMENT PLANS TO SET UP FOOD SECURITY AGENCY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A12b	
6.	CHAN FOONG HIN: MAFS STUDYING PROPOSAL TO SET UP FOOD SECURITY AGENCY TO REDUCE COST OF, NATIONAL, NANAYANG SIANG PAU -A3	
7.	SUBSIDI AYAM, TELUR DITERUSKAN, NEWS, SELANGOR KINI, -18	
8.	'HARGA IKAN RAKYAT NAIK 40 PERATUS, TIADA ADUAN RASMI DITERIMA', NEGARA, KOSMO -16	
9.	TIADA ADUAN RASMI IKAN NAIK HARGA, NASIONAL, SH -9	
10.	MINISTRY STUDYING IDEA OF FORMING FOOD SECURITY AGENCY, NEWS, NST -8	
11.	PLAN TO SET UP FOOD SECURITY AGENCY, NEWS, THE SUN -2	
12.	INVALUABLE INSECT, MUKA DEPAN, THE SUN -1	
13.	MAQIS RAMPAS 1,714kg MAKANAN HAIWAN, NEGERI P.PINANG, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
14.	LEMBU KORBAN CUKUP, DIJUAL RM5,000 SEEKOR, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
15.	POP KING JAMAL ABDILLAH TURNS CATTLE BREEDER, LIFE & TIMES, NST -18	
16.	JUALAN KAMBING MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -29	
17.	BOT NELAYAN CEROBOK PERAIRAN LANGKAWAI DITAHAN, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
18.	MUSANG KING 'SAKIT', NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
19.	PESAWAH TANAM PADI IKUT JUAL, NEGERI KL, SH -25	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
20.	BEKALAN AIR PULIH, PETANI KADA TANAM PADI IKUT JADUAL, DALAM NEGERI, UM -29	
21.	BERI LEBIH KUOTA BENIH PADI, NASIONAL, SH -18	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
22.	PESTA DURIAN TARIK 50,000 PENGUNJUNG, JUALAN LEBIH RM1 JUTA, NEGARA, KOSMO -14	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	KPKM studying proposal to set up special agency to improve food security		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	21 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	3	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,193
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,579



農糧部：助降低生活費 擬設專門機構提高糧安

（吉隆坡20日讯）农业及粮食安全部正在探讨成立一个提高粮食安全专门机构的建议。

农粮部副部长陈泓缜指出，国家生活费行动理事会（NACCOL）曾在今年初的会议中提及这项建议，借此降低人民的生活费。

他今日在国会上议院回答上议员阿都纳西尔的问题时指出，农粮部的初步研究发现，在设立国际粮食安全机构方面，所需考虑的层面涉及可用性、可及性、食品和营养安全以及稳定性和可持续性。

“因此，要设立国家粮食安全

机构，需进一步考量立法、财政、人力资源以及部门之间职能及作用调整的影响。”

他也说，为了提高粮食安全，政府也采取跨部门的方式，确保国家粮食系统稳定并高效运转。

陈泓缜指出，农粮部也承诺确保粮食安全，特别是在形成有韧性的国家粮食生产体系和帮助粮食生产者方面。他说，其中已落实的努力包括提供现代化及高效的基础设施、提高奖掖、咨询及技术支持、低息贷款、融资基金、税务豁免、津贴以及市场准入和企业配对等。

Headline	KPKM teliti cadangan agensi khusus tingkat keterjaminan makanan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	21 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	179 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 951
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,853



KPKM teliti cadangan agensi khusus tingkat keterjaminan makanan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang meneliti cadangan penubuhan agensi khusus bagi meningkatkan keterjaminan makanan sebagai agenda nasional.



Timbalan Menteri berkenaan Chan Foong Hin berkata idea penubuhan agensi itu dicetuskan pada Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) awal tahun ini, sebagai salah satu inisiatif mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Chan berkata kajian awal KPKM mendapati penubuhan agensi sekuriti makanan negara hendaklah dilihat secara holistik merangkumi empat aspek utama iaitu elemen ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan makanan dan pemakanan serta kestabilan dan kemampunan.

"Oleh itu penubuhan agensi sekuriti makanan negara memerlukan penilailan lanjut berkaitan implikasi perundangan, kewangan, sumber manusia dan penyelarasan semula fungsi serta peranan antara kementerian," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, Selasa.

Katanya, dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan, kerajaan turut



mengamalkan pendekatan rentas kementerian bagi memastikan sistem makanan negara mantap dan berfungsi dengan cekap dan produktif.

Beliau menjawab soalan Senator Abdul Nasir Idris yang ingin tahu sama ada kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Agensi Makanan Malaysia dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan sebagai agenda nasional.

Selain itu, Chan berkata KPKM turut komited memastikan keterjaminan makanan khususnya dalam membentuk sistem pengeluaran makanan negara yang berdaya tahan dan membantu pihak pengeluar makanan.

"Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah peruntukan infrastruktur yang moden dan cekap, pemberian insentif, sokongan dalam bentuk khidmat nasihat dan teknikal, geran, dana pembiayaan, pengecualian cukai, subsidi dan akses pasaran serta padanan perniagaan," katanya. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2023	HARIAN METRO	LOKAL	16

KPKM teliti cadangan penubuhan agensi khusus tingkat keterjaminan makanan

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang meneliti cadangan penubuhan agensi khusus bagi meningkatkan keterjaminan makanan sebagai agenda nasional.

Timbalan Menteri berkeajaan Chan Foong Hin berkata idea penubuhan agensi itu dicetuskan pada Mesyuarat Majlis Tindakan Sosial Hidup Negara (Naccol) awal tahun ini, sebagai salah satu inisiatif mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Chan berkata kajian awal KPKM mendapati penubuhan agensi sekuriti makanan negara hendaklah dilihat secara holistik merangkumi empat aspek utama iaitu elemen ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan makanan dan pemakanan serta kestabilan dan kemampunan.

"Oleh itu penubuhan agensi sekuriti makanan negara memerlukan penilaian lanjut berkaitan implikasi perundangan, kewangan, sumber manusia dan penyelarasan semula fungsi serta peranan antara kementerian," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Katanya dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan, kerajaan turut mengamalkan pendekatan rentas kementerian bagi memastikan sistem makanan negara mantap dan berfungsi dengan cekap dan produktif.

Beliau menjawab soalan Senator Abdul Nasir Idris yang ingin tahu sama ada kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Agensi Makanan Malaysia dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan sebagai agenda nasional.

Selain itu Chan berkata

KPKM turut komited memastikan keterjaminan makanan khususnya dalam membentuk sistem pengeluaran makanan negara yang berdaya tahan dan membantu pihak pengeluaran makanan.

"Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah peruntukan infrastruktur yang moden dan cekap, pemberian insentif, sokongan dalam bentuk khidmat nasihat dan teknikal, geran, dana pembiayaan, pengecualian cukai, subsidi dan akses pasaran serta padanan perniagaan," katanya.

Headline	MAFS: To set up special agency to improve food security		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	21 Jun 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A4	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	100 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,506
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,518



農糧部：降低生活成本 擬設提高糧安專門機構

（吉隆坡20日讯）农业及粮食安全部正在探讨成立一个提高粮食安全专门机构的建议。农粮部副部长陈泓缵指出，国家生活成本行动理事会（NACCOL）曾在今年初的会议中提及这项建议，借此降低人民的生活成本。

他今日在国会上议院回答上议员阿都纳西尔的问题时指出，农粮部的初步研究发现，在设立国际粮食安全机构方面，所需考虑的层面涉及可用性、可及性、食品和营养安全以及稳定

性和可持续性。

“因此，要设立国家食品安全机构，需进一步考量立法、财政、人力资源以及部门之间职能及作用调整的影响。”

他也说，为了提高粮食安全，政府也采取跨部门的方式，确保国家粮食系统稳定并高效运转。

陈泓缵指出，农粮部也承诺确保粮食安全，特别是在形成有韧性的国家粮食生产体系和帮助粮食生产者方面。他说，其中已落实的努力包括提供现代化及高效的基础设施、提高奖掖、咨询及技术支援、低息贷款、融资基金、税务豁免、津贴以及市场准入和企业配对等。

Headline	Deputy MAFS Minister: Government plans to set up food security agency		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	21 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A12b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	195 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,186
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,558



副农业部长：需考量4大因素 政府拟设粮食安全署

（吉隆坡 20 日讯）政府拟设立粮食安全署，除了确保我国有足够粮食，也能减轻人民生活成本。

农业及粮食安全部副部长陈泓缙证实，该部正在研拟设立国家粮食安全署的建议，而这项建议是在今年 1 月的国家生活成本行动理事会（NACOL）会议中提出。

“为了减轻国人的生活成本，国家生活成本行动理事会议提出的其中一项倡议，是设立粮食安全署。”

他周二在国会上议院，答复上议员阿都纳希尔质询有关政府，是否有设立大马粮食机构时，

如是指出。

陈泓缙表示，根据初步研究，成立粮食安全署需从四大因素做考量，即可用性、可实现性、粮食及营养安全，以及稳定和永续发展。

“基于此，设立国家粮食安全署需从长计议，尤其是评估立法、财政、人力资源和跨部门协调。”

他补充，政府也采取积极举措，加强我国粮食安全，尤其是部门间的紧密合作，保障国家粮食系统稳健，并且高效和具生



产力。

此外，陈泓缙也说，农业部也致力于确保粮食安全，尤其是在打造具韧性的国家粮食生产系统，以及协助粮食生产者。

“已经实施的举措包括提供现代化和高效的基本设施、发放奖掖、提供咨询和技术服务、贷款资金、税务减免、补贴，市场准入和商业配对。”



陈泓缙：部门正在研拟设立国家粮食安全署的建议。

Headline	Chan Foong Hin: MAFS studying proposal to set up food security agency to reduce cost of		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	21 Jun 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,264
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,792



陈泓缵：涵盖4层面 设粮安机构减生活成本

(吉隆坡 20 日讯) 农业及粮食安全部正探讨设立一个机构，专司负责加强粮食安全，协助减轻人民生活成本。

农业部副部长陈泓缵指出，在今年初召开的國家生活成本行动理事会 (NACCOL) 提到上述点子，作为减轻人民生活成本这个国家议程的一项倡议。

他说，农业部的初步研究发现，设立国家粮食安全机构一事必须经过全面考量，涵盖 4 个主要层面，分别是准备就绪、可实现、粮食及营养物安全，以及稳定和可持续的元素。

他说：“有鉴于此，设立国家粮食安全机构一事需进一步评估关于立法、财政、人力资源，以及部门之间职能和角色调整的影响。

“在加强粮食安全的举措方面，政府也采取跨部门的方式确保国家粮食系统稳健，并且高效和具生产力地运作。”

他今日在国会上议院



陈泓缵

问答环节，回答阿都纳西尔上议员的提问时，这么说。

阿都纳西尔提问，政府是否有意设立大马粮食机构，以加强粮食安全作为国家议程。

此外，陈泓缵说，农业部也致力确保粮食安全，尤其是在打造具韧性的国家粮食生产系统，以及协助粮食生产者。

他指已实施的举措，包括提供现代化和高效的基本设施、发放奖掖、提供咨询和技术服务、贷款资金、税务减免、补贴，市场准入和商业配对。

Headline	Subsidi ayam, telur diteruskan		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	21 Jun 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	18	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	83 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 814
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,442



Subsidi ayam, telur diteruskan

SHAH ALAM - Pemberian subsidi serta kawalan harga ayam dan telur yang berakhir pada 30 Jun diteruskan selepas 1 Julai, menurut dua kementerian berkaitan.

Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, hal itu diputuskan berikutan industri ayam dan telur kekal mampan, lapor Bernama.

"Keputusan meneruskan pemberian subsidi ini (juga) diambil demi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara selaras aspirasi Kerajaan Malaysia Madani," kata kenyataan pada 9 Jun.

Sebelum ini, mesyuarat jemaah menteri pada 17 Februari membuat keputusan untuk meneruskan pemberian subsidi ayam dan telur bermula 1 Januari hingga 30 Jun.

Keputusan itu diambil bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara selaras dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2023	KOSMO	NEGARA	16

Lembu korban cukup, dijual RM5,000 seekor

SEGAMAT – Bekalan lembu di negeri ini mencukupi dan Johor dijangka tidak berdepan isu kenaikan harga menjelang sambutan Aidiladha pada minggu hadapan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip, seramai 2,576 penternak lembu tempatan membekalkan lembu korban, sekali gus membantu mengurangkan kebergantungan kepada lembu import.

"Bekalan lembu yang cukup dari penternak tempatan secara tidak langsung membantu harga lembu lebih stabil seterusnya tidak berlaku kenaikan harga secara mendadak.

"Tiada sebarang laporan yang diterima berhubung peningkatan harga lembu yang didakwa mencecah RM7,000 seekor di negeri ini.

"Setakat ini harga jualan lembu di Johor direkodkan sekitar RM5,000 sehingga RM6,000 seekor. Malah di Segamat, ada penternak yang dilaporkan menjual seekor lembu dengan harga RM4,500," katanya selepas Majlis Penyampaian In-

sentif Ternakan Lembu Pedaging Jabatan Veterinar Johor di Pejabat Veterinar Segamat di sini semalam.

Sebelum ini, media melaporkan harga lembu untuk ibadah korban di negara ini, telah meningkat sehingga mencecah RM7,000 seekor berikutan pelbagai faktor termasuk kos makanan ruminan haiwan ternakan itu selain permintaan tinggi daripada orang ramai.

Berbanding sebelum ini, harga bagi lembu bersaiz sederhana adalah sekitar RM4,500 hingga RM5,000 seekor, tetapi meningkat kepada RM6,500 sehingga RM7,000 ketika ini.

Menurut Zahari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Buloh Kasap, permohonan permit penyembelihan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) masih dibuka sehingga 26 Jun depan.

"Pada tahun lepas, sebanyak 5,129 permit penyembelihan dikeluarkan. Terdapat 192 pusat penyembelihan di seluruh Johor yang menerima permit kebenaran sembelihan sementara bagi Aidiladha," ujarnya.



ZAHARI pada Majlis Penyampaian Insentif Ternakan Lembu Pedaging di Pejabat Veterinar Segamat semalam.



KPDN menerima aduan tidak rasmi di media sosial berhubung kenaikan harga ikan rakyat dan menyifatkan ia sementara. — GAMBAR HIASAN

'Harga ikan rakyat naik 40 peratus, tiada aduan rasmi diterima'

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memaklumkan bahawa tiada aduan rasmi diterima pihaknya berhubung kenaikan harga ikan kegemaran rakyat yang mencecah sehingga 40 peratus.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, bagaimanapun pihaknya hanya menerima aduan tidak rasmi di laman media sosial.

"Ada beberapa aduan (tidak rasmi) mengenai ikan rakyat

diterima melalui (media sosial). Kita dapati faktor berlakunya permintaan tinggi semasa cuaca di Pantai Timur dalam keadaan laut 'berangin'.

"Jadi memang ada kenaikan beberapa harga ikan, namun kita dapati dalam masa dua tiga hari ini keadaan kembali stabil," katanya.

Beliau berkata, demikian pada sidang akhbar Majlis Perasmian Pameran Hadiah Malaysia edisi ke-13 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini semalam.

Sehubungan itu, Salahuddin berkata, pihaknya akan mempergiatkan pemantauan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan dengan melakukan pencatutan.

Terdahulu, media melaporkan kenaikan harga ikan melibatkan kembung, selang dan kerisi di beberapa negeri mendapat perhatian pihak KPDN.

Salahuddin berkata, perkara itu akan diteliti dan pihaknya sedang menunggu laporan sebelum membuat tindakan lanjut.

Tiada aduan rasmi ikan naik harga

Penguat kuasa
KPDN sentiasa
pantau harga
bagi memastikan
mana-mana pihak
tidak melakukan
pencatutan

Oleh NURFARDLINA
IZZATI MOKTAR
KUALA LUMPUR



SALAHUDDIN



Laporan muka depan
Sinar Ahad pada 18 Jun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, memaklumkan sejak ini tiada aduan rasmi dilaporkan mengenai kenaikan harga ikan kegemaran rakyat Malaysia di beberapa negeri sehingga mencecah 40 peratus sejak selepas Aidilfitri lalu.

Menternya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, bagaimanapun pegawai dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan sentiasa memantau harga bagi memastikan mana-mana pihak tidak melakukan pencatutan selain tidak patuh kepada harga ditetapkan.

"Ada beberapa aduan (tidak rasmi) mengenai ikan rakyat yang diterima (media sosial). Kita dapat faktor berakunya permintaan tinggi semasa cuaca di Pantai Timur dalam keadaan laut 'berangin' dan berlakunya cuaca tidak menentu.

Jadi memang ada kenaikan beberapa harga ikan itu, namun kita dapat dalam masa dua tiga hari ini keadaan kembali stabil. Ada barangan seperti sayuran dan ikan ini memang bergantung pada keadaan cuaca.

"Kegiatan supply (bekalan) kadang-kadang begitu tinggi tetapi faktor itu hanya sementara dan ia akan turun

dalam tempoh tertentu," katanya semasa sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Pameran Hadiah Malaysia Edisi Ke-13 2023 di sini pada Selasa.

Sinar Harian pada Ahad melaporkan masalah kenaikan harga ikan kegemaran rakyat Malaysia di beberapa negeri sehingga mencecah 40 peratus sejak selepas Aidilfitri lalu mendapat perhatian KPDN.

Salahuddin berkata, pihak Kementerian akan meneliti masalah berkenaan sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

Situasi di setiap negeri bagaimanapun berbeza, misalnya kembung yang dijual di Kelantan naik sehingga RM15 berbanding RM12 sekilogram, sementara di Kuala Lumpur pula cecah RM24 sekilogram.

Kenalkan itu dikatakan disebabkan keadaan laut bergelora yang biasa berlaku setiap Jun hingga Oktober menyebabkan hasil tangkapan nelayan berkurang, selain faktor cuaca panas global.

Mengulas mengenai isu bekalan ikan, Salahuddin berkata, pihaknya menyasarkan bidang kuasa tersebut kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi menangani masalah berkenaan.

"Bagaimanapun kita setiap hari memantau harga barang keperluan rakyat ini, ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2023	NST	NEWS	8

NATIONAL AGENDA

Ministry studying idea of forming food security agency

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry is looking into the proposal to set up a special agency to improve food security as a national agenda.

Deputy Minister Chan Foong Hin said the idea to establish the agency came up at a National Action Council on Cost of Living (NACCOL) meeting earlier this year as one of the initiatives to tackle the high cost of living.

He said a preliminary study conducted by the ministry found that the establishment of a national food security agency should encompass four main aspects, namely the elements of availability, accessibility, food security, as well as stability and sustainability.

"Therefore, the establishment of a national food security agency requires further evaluation regarding the implications of legislation, finances, human resource and adjustments to the functions and roles of ministries," he told Dewan Negara.

He said this in reply to a question from Senator Abdul Nasir Idris on whether the government intended to set up a national food agency to improve food security as a national agenda.

Chan said for the country to improve food security, the government was adopting an inter-ministerial approach to ensure that the national food system was stable, besides running efficiently and productively.

In addition, he said the ministry was committed to ensuring food security and establishing a resilient national food production system, as well as helping food producers to increase their yield.

"Among the efforts that have been implemented include providing them with modern and efficient infrastructure, incentives, support in the form of advisory and technical services, grants, financing aid, tax exemptions, subsidies, market access and business matching," he said.

Bernama



Chan Foong Hin

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2023	THE SUN	NEWS	2

Plan to set up food security agency

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry is looking into a proposal to set up a special agency to improve food security as a national agenda.

Its deputy minister Chan Foong Hin said the idea to establish the agency came up at a National Action Council on Cost of Living meeting earlier this year as one of the initiatives to tackle cost of living issues.

He said a preliminary study conducted by the ministry found that the establishment of a national food security agency should encompass four main aspects, namely availability, accessibility, food security as well as stability and sustainability.

"Therefore, the establishment of a national food security agency requires further evaluation with regard to the implications of legislation, finances, human resource, and adjustments to the functions and roles of ministries," he said in the Dewan Negara yesterday.

He was replying to a question from Senator Abdul Nasir Idris on whether the government intends to set up an agency to improve food security as a national agenda.

Chan added that the government is adopting an inter-ministerial approach to ensure that the national food system is stable and runs efficiently and productively.

He said the ministry is committed to ensuring food security and establishing a resilient national food production system.

"Among the efforts that have been implemented are providing modern and efficient infrastructure, incentives, support in the form of advisory and technical services, grants, financing aid, tax exemptions, subsidies, market access and business matching." - Bernama

theSun
TELLING IT AS IT IS

ON WEDNESDAY JUNE 21, 2023
No. 8253 PP 2644/12/2012 (031193)
www.thesundaily.my

INSIDE

page 2 Govt firm on not pegging ringgit

page 3 Vacant contract doctors posts to be filled promptly

CUTE CACTI ... Visitors looking to buy cactus plants at Kea Farm Market in Cameron Highlands, where they are sold at RM2 to RM3 each. — MASRY CHE ANI/THESUN

Invaluable insect

BY **SIVANISVARI MORHAN**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The government should invest more in black soldier fly (BSF) pilot facilities at universities to facilitate research and development of environmentally friendly products, such as compost or animal feed, said Universiti Teknologi Mara (UTM) Faculty of Health Sciences Assoc Prof Dr Farah Ayuni Shafie.

BSF is an insect that is well known for its bioconversion capability.

"The use of BSF helps to lower greenhouse gas emissions, promote nutrient recycling and provide opportunities for bioenergy production. By investing in more sustainable waste management pilot facilities, Malaysia can increase resource efficiency and reduce waste and greenhouse gas emissions by incorporating it into the circular economy."

"The BSF pilot facility that was established at UTM in 2020 has received a lot of attention in recent years. The centre operates in collaboration with the Malaysian Association of Environmental Health and a Malaysia-based biotechnology company that focuses on biowaste treatment and organic by-product recycling by utilising these insect species," she said.

The pilot facility seeks to divert organic waste from landfills by using the BSF larvae to efficiently consume and convert it into valuable resources such as fertilisers or animal feed, she added.

Researchers are also conducting studies to optimise the growth, reproduction and waste consumption rates of BSF.

"BSF could have a positive impact on the country's circular economy model, which is a

➤ **Invest more in black soldier fly facilities to convert organic waste into fertilisers, animal feed or biofuels: Expert**

concept that aims to keep raw materials in a closed loop. In this way, resources are maximally used, the need for new ones is reduced, waste is avoided and the life cycle of products is increased. In short, the waste of today becomes the raw material of tomorrow — the same as in nature."

Farah Ayuni said the pilot facilities could create direct and indirect jobs that include managerial positions, skilled labour, technicians and administrative staff, adding that indirect job opportunities could arise in related sectors as well, such as transport, maintenance and logistics.

"They also help provide business opportunities, with companies offering organic waste management services using BSF. As I know, among the significant sources of organic waste are university dining halls, food courts and cafeterias."

"These companies could collect waste from universities, restaurants, food processing facilities or agricultural operations to process it with BSF larvae to create valuable byproducts such as compost, animal feed or biofuels."

Biotechnology and Nanotechnology Research Centre research and development assistant executive Nabilah Hamzah said: "BSF is a harmless species of fly commonly found in tropical regions, including Malaysian forests."

"These insects have the remarkable ability to

consume a wide range of organic matter, making them highly efficient in recycling organic waste into useful resources such as nutrient-rich compost and protein-rich larvae."

"Using BSF as a food source for farm livestock is a cost-effective and environmentally friendly option. Consumers are concerned about food safety and are looking for reliable alternatives. BSF is an appealing choice because it doesn't spread diseases and has no negative impact on the environment. Besides, BSF offers high-quality protein and fat at a lower cost than other non-renewable feeds," she said.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Mohamad Sabu said in February that the Malaysian Agricultural Research and Development Institute is collaborating with the Malaysian Productivity Corporation to carry out a study on an alternative source for chicken feed as a long-term measure to address the rising costs of food production.

Commenting on this, Nabilah said: "The government wants to make sure there is enough food for everyone in the country. It is looking at different ways to do this, and one of them is by using BSF to produce cheaper chicken feed."

"The government is also working on

producing corn grain in Malaysia instead of importing it. The government hopes to produce 30% of the corn grain that is needed by 2032. It is also planning to make chicken feed out of palm kernel expeller, which is a by-product of the palm oil extraction process."

"It is giving loans to chicken farmers to help them with their costs, and offering subsidies to some farmers. The government is also working on a plan to ensure that fertiliser (produced by BSF) is of good quality and safe to use," she said.

Maqis rampas 1,714kg makanan haiwan



Pegawai Maqis Pulau Pinang melakukan pemeriksaan terhadap makanan haiwan yang cuba dibawa masuk ke negara ini tanpa permit import yang sah.

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 1,715 kilogram (kg) makanan haiwan dari Thailand yang cuba dibawa masuk melalui pintu masuk Dermaga Air Dalam di sini, pada Ahad lalu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, makanan haiwan bernilai RM55,605 itu didapati tidak mempunyai permit import Maqis yang sah.

Menurutnya, kegagalan untuk mengemukakan permit import bagi pengimportan makanan haiwan adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa.

Sementara itu, di **PELABUHAN KLANG**, Maqis Selangor mengagalkan cubaan membawa masuk gelatin haiwan bernilai lebih RM600,000 dari Pakistan di Pelabuhan Klang Utara, di sini, Jumaat lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, rampasan itu dibuat hasil pemeriksaan yang dijalankan Pegawai Penguat Kuasa Maqis pada jam 11.30 pagi.

Menurutnya, gelatin seberat 18,000 kilogram yang dianggarkan bernilai RM635,383.33 itu tidak

mengikut syarat rawatan yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam permit import.

Gelatin kebiasaannya digunakan bagi mempelbagaikan produk sama ada sebagai bahan ramuan makanan dalam industri pemprosesan makanan.

Jelas Mohd Sobri, pihaknya sentiasa menjalankan pemeriksaan setiap keluaran pertanian yang masuk dalam negara bagi memastikan keluaran pertanian diimport mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan oleh kerajaan.

"Langkah ini bagi memastikan barang dagangan bebas daripada perosak dan penyakit serta halal untuk dimakan dan seterusnya menjamin keselamatan makanan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sumber air pulih sekali gus membolehkan rumah pam KADA alirakan air ke sawah

Oleh HAZEL EN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Tanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) untuk musim 1/2023 kembali mengikut jadual selepas rumah pam milik agensi itu di Kemubu, Kok Lanas sudah dapat membekalkan air ke petak-petak sawah.

Pengerusinya, Muhamad Husain berkata, hujan sejak bulan lalu banyak membantu sekali gus membolehkan rumah pam itu menyedut air untuk dialirkan kepada petani.

"Saya harap para petani terus mengikut segala nasihat serta jadual yang telah dikeluarkan oleh KADA," katanya semasa sidang akhbar pada Selasa.

Sebelum itu Muhamad hadir pada Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Pengerusi KADA antara beliau dengan pengerusi sebelum ini iaitu Datuk Kamaruddin Md Nor di Ibu Pejabat KADA di sini.

Menurut beliau, situasi itu sekali

Pesawah tanam padi ikut jadual



Muhamad (dua dari kiri) menerima Penyerahan Nota Serah Tugas Pengerusi KADA daripada pengerusi sebelum ini iaitu Kamaruddin (dua dari kanan) di Ibu Pejabat KADA, Kota Bharu pada Selasa.

gus memberikan kelegaan kepada KADA dan para petani untuk kembali melaksanakan tugas mereka dengan baik musim ini.

Ujarnya, pada masa sama KADA mahu melihat hasil yang diperolehi pada musim 1/2023 lebih baik berbanding musim-musim sebelum ini.

Beliau memberitahu, fokus utamanya ketika ini untuk menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh para petani di Bachok dan Pasir Puteh.

"Selain itu saya mahu menjadikan KADA sebagai salah satu pengeluaran sumber makanan negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2023	NST	LIFE & TIMES	18

Pop king Jamal Abdillah turns cattle breeder

HE may be a music legend of song, but pop king Datuk Jamal Abdillah has also learnt the "art of diversification".

Jamal, 64, now manages his own cattle farm to boost his income and encourage Bumiputeras to venture into agro-business, a lucrative sector.

Jamal's month-old farm is located in Bukit Merah, Bagan Serai, Perak, and he has 20 cows, with 80 more on the way.

"My farm covers two hectares and has state-of-the-art pens, which can house 300 to 400 bovines," said Jamal in a recent news report.

He added that looking after cattle and goats was much easier than raising Arowana fish, a business he has run since 2009.

"The goats are on the way, hopefully by the end of the year. I am thankful to the Veterinary Services Department for advising me in my new-found job," said Jamal, who also manages an Arowana farm in Bukit Merah.

"Now's the time for all of us to help the government strengthen the economy, and getting involved in the agricultural sector generates greater food self-sufficiency for the country."



Datuk Jamal Abdillah says his cattle farm has state-of-the-art pens.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



JUALAN kambing Husmizar Hussain masih perlahan dengan sekitar 60 ekor sahaja terjual berbanding tahun lalu lebih 200 ekor di Jalan Kolam, Kampung Alor Merah, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Tidak mampu pulang modal

Jualan kambing merosot

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.muta13@medianula.com.my

ARAU: Sebelum ini setiap kali menjelang Hari Raya Aidiladha, Husmizar Hussain, 43, dari Jalan Kolam, Kampung Alor Merah di sini mampu menjual sehingga 200 ekor kambing untuk ibadah korban.

Namun, tahun ini, jualan kambingnya merosot teruk sehingga 60 peratus dan menjelang seminggu sebelum Aidiladha, dia hanya mampu menjual sekitar 60 ekor sahaja.

Husmizar yang menyediakan lebih 200 ekor kambing tahun ini dengan modal kira-kira RM70,000 hanya mampu meraih pulangan jualan sekitar 30 peratus sahaja daripada modal yang dikeluarkan sedangkan sambutan Aidiladha sudah semakin hampir.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, dia yang menternak kambing sejak lapan tahun lalu menyifatkan jualan tahun ini adalah yang paling teruk.

Katanya, dia juga hairan melihat situasi tersebut dan tidak menolak kemungkinan faktor tekanan kos sara hidup menyebabkan orang ramai berjimat.

Selain itu, katanya, antara faktor lain, kemungkinan disebabkan trend orang ramai melakukan ibadah korban secara dalam talian di luar negara yang lebih menjimatkan.

"Sepatutnya, seminggu menjelang Aidiladha ini, sudah ratusan ekor kambing pelanggan tempah, namun tahun ini jualan merosot sangat teruk. Saya pun tidak pasti sama ada mampu meraih pulangan modal tahun ini," katanya.

Katanya lagi, dia berharap jualan akan meningkat menjelang Aidiladha dan berusaha meningkatkan lagi promosi bagi meningkatkan jualan.

Bapa kepada empat orang anak itu berkata, kambing yang dijual hanya sekitar RM800 sehingga RM1,300 seekor.

"Kebelakangan ini, kos sara hidup semakin meningkat dan ia memberi kesan kepada para peniaga termasuk penternak sendiri. Selalunya, Aidiladha merupakan peluang kami mencari rezeki tambahan apabila jualan melonjak, namun tidak berlaku tahun ini."

"Bukan saya sahaja terkesan, malah penternak-penternak kambing lain juga mengakui terkesan teruk tahun ini," katanya.

Bekalan air pulih, petani KADA tanam padi ikut jadual

KOTA BHARU: Petani di kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kembali mengusahakan tanaman padi untuk musim 1/2023 mengikut jadual selepas gangguan bekalan air akibat kemarau sudah kembali pulih.

Pengerusinya, Muhammad Husain berkata, hujan bukan sahaja membantu para petani, malah, rumah pam KADA di Kemubu, Kok Lanas sudah kembali beroperasi sepenuhnya.

Menurutnya, situasi itu sekali gus memberikan ke-

legaan kepada KADA dan para petani untuk mengusahakan petak-petak sawah dengan sempurna bagi musim ini.

"Besarnya harapan saya agar para petani terus kekal fokus dan mengikut segala nasehat serta jadual yang telah dikeluarkan oleh KADA."

"Pada masa sama, KADA berharap hasil yang diperoleh pada musim 1/2023 lebih baik berbanding musim-musim sebelum ini," katanya selepas Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Pengerusi KADA antara

beliau dengan Pengerusi sebelum ini iaitu Datuk Kamarudin Md. Nor di Ibu Pejabat KADA di sini semalam.

Muhammad memberitahu, para petani turut diingatkan supaya tidak mengabaikan aspek keselamatan semasa berada di kawasan bendang terutama pada musim panas ketika ini dengan memakai pakaian berwarna cerah.

Katanya, langkah itu bagi mengelakkan mereka berdepan dengan serangan strok haba atau kelesuan haba.

Bot nelayan Thailand ceroboh perairan Langkawi ditahan

LANGKAWI – Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah bot nelayan asing dari Thailand kerana menceroob perairan negara untuk menangkap ikan di kedudukan kira-kira 4.4 kilometer barat laut Pulau Jemuruk, di sini kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Romli Mustafa berkata, bot tersebut ditahan penguat kuasa APMM yang sedang menjalankan rondaan rutin di perairan ini kira-kira pukul 12 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati bot nelayan itu dikendalikan dua kru termasuk tekong masing-masing berusia



BOT nelayan Thailand yang ditahan penguat kuasa APMM kerana menceroob perairan negara di Langkawi kelmarin.

37 dan 44 tahun.

"Pemeriksaan lanjut menemui dokumen pengenalan

diri mereka yang meragukan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, bot nelayan asing berkenaan turut didapati tidak mempunyai permit menangkap ikan daripada Pengarah Perikanan.

"Kedua-dua suspek serta bot nelayan ditahan dan kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan atau cuba menangkap ikan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia.

"Siasatan juga dilakukan mengikut Seksyen 16 (3) akta sama kerana gagal memberitahu pegawai berkuasa melalui radio atau faksimili tentang nama negara, bendera, lokasi laluan dan destinasi vesel dalam hal me-

masuk ke perairan perikanan Malaysia," ujarnya.

Katanya, jika sabit kesalahan atas perbuatan tersebut, kedua-dua suspek tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM6 juta kepada tekong dan RM600,000 ke atas setiap kru mengikut Seksyen 25 (a) Akta Perikanan 1985.

"Bot dan peralatan menangkap ikan boleh dilucut hak kepada kerajaan Malaysia jika sabit kesalahan," jelasnya.

Tambahnya, dua kru terbabit juga akan disiasat mengikut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal memaparkan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Isi keras, hitam serta nampak biji, tidak dapat eksport Musang king 'sakit'

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

BENTONG – Masalah 'dry' atau buah terlalu kering menyebabkan durian musang king Pahang termasuk di Raub yang menjadi idaman penggemar raja buah seluruh dunia tidak dapat dieksport setakat ini.

Difahamkan masalah 'dry' menyaksikan isi durian menjadi lebih keras dan menampakkan biji serta ada yang sedikit berwarna kehitaman.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (PAMA) Pahang, Saiful Sadri berkata, setakat ini hasil durian musang king Pahang hanya dipasarkan dalam pasaran tempatan kerana tidak dieksport disebabkan masalah kualiti.

"Yang pertama kebanyakan (pengeluaran musang king)

tidak boleh dieksport kerana kalau biasanya buah musang king ini teksturnya lembut tetapi kali ini agak keras dan nampak biji.

"Mungkin ia disebabkan oleh cuaca dan untuk pengeluaran kali kedua akan datang bergantung kepada cuaca jugalah dan harap kembali baik," katanya pada kempen makan buah-buahan tempatan di pekarangan Tadika Perpaduan Taman Indah, di sini semalam.

Menurut Saiful, durian musang king di Pahang pada masa ini hanya dipasarkan di pasaran tempatan dan jumlah buah terlabat tidak direkodkan.

Katanya, keadaan itu juga dilihat menyebabkan harga durian musang king di pasaran tempatan pada masa ini tidak terlalu tinggi seperti sebelum ini.

"Kalau dulu durian musang king Raub gred A ada dijual de-

ngan harga RM80 sekilogram dan sekarang RM25 sekilogram pun sudah boleh dapat," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai pengeluaran durian di negara China dan Vietnam beliau berkata, ia tidak akan menjejaskan eksport durian negara memandangkan pengeluaran durian negara setakat ini tidak mampu menampung permintaan eksport dunia.

Katanya, berdasarkan statistik tahun lalu jumlah eksport durian negara adalah kira-kira 51 juta kilogram dengan nilai kira-kira RM556 juta.

"Sebenarnya situasi eksport Malaysia adalah pada kadar satu peratus sahaja, jadi tidak perlulah penanam risau buah mereka tidak boleh jual, kita boleh tawarkan satu peratus sahaja dan pasaran yang ada masih besar," ujarnya.



SUASANA di pusat pengumpulan durian di Raub tetap 'meriah' walaupun durian musang king Pahang berdepan masalah kualiti sehingga tidak dapat dieksport ke luar negara.



NORIELA ketika berucap di Majlis Perasmian Penutupan Pesta Durian dan Agrofest Pulau Pinang di Bukit Mertajam Ahad lalu.

Pesta durian tarik 50,000 pengunjung, jualan lebih RM1 juta

BUKIT MERTAJAM – Orang ramai ternyata tidak melepaskan peluang untuk menikmati sendiri kelazatan durian musang king, hati merah, ang hae, ho lor, gan ja dan duri hitam pada Program Love Penang Agrofest@Pesta Mengkuang 2023, di sini baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula dari 16 hingga 18 Jun di tapak Projek Pembinaan Masjid Mengkuang Titi itu berjaya menarik lebih 50,000 pengunjung dengan kutipan jualan melebihi RM1 juta.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr. Noriela Ariffin, program ini merupakan kesinambungan program anjuran kerajaan negeri yang dahulunya dikenali dengan nama Penang Agrofest.

"Antara aktiviti menarik kali

ini ialah penganjuran Pesta Durian Pulau Pinang yang menawarkan harga durian istimewa untuk rakyat negeri Pulau Pinang serta pelancong.

"Pada tahun ini, pertandingan durian pula telah mencatatkan penyertaan seramai 118 peserta yang bertanding dalam pelbagai kategori.

"Antara pertandingan yang dijalankan ialah Pertandingan Durian Klon Terbaik 2023, Juara Antara Juara Durian Wilayah Utara, Pertandingan Durian Kampung Terbaik, Pertandingan Memasak Pengat Durian dan Jus Durian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penutupan program yang disempurnakan Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Tambah Noriela, Jualan Agrofest Rahmah turut diadakan sepanjang tempoh program berlangsung.

Beri lebih kuota benih padi

30 peratus keperluan benih padi negara perlu disediakan oleh LPP, PPN dan GLC setiap tahun

Oleh ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR

Kerajaan harus memastikan pengeluaran benih padi oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) serta syarikat milik kerajaan (GLC) diberikan lebih kuota bagi mencapai kualiti padi yang ditetapkan.

Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar berkata, langkah itu juga dapat mengurangkan kebergantungan kerajaan kepada pihak ketiga sekiranya berlaku sebarang krisis luar jangka.

Menurutnya, bagi memastikan keperluan benih padi dalam negara mencukupi dan berkualiti untuk dibekalkan kepada petani, loji benih padi bawah kelolaan LPP, PPN atau GLC harus dipertingkatkan.

"Sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keperluan benih padi dalam negara perlu disediakan oleh LPP, PPN dan GLC setiap tahun.

"Setakat ini, benih-benih yang disediakan empat loji bawah GLC termasuk FELCRA Berhad tiada rekod buruk dan sentiasa mengikut penyediaan



Mahfuz (kiri) meninjau ruang pameran ketika melawat ke PPK Gurun dalam siri lawatan kerja di Kedah pada Selasa.

Jabatan Pertanian," katanya pada Selasa.

Mahfuz berkata, aspek lain termasuk komitmen penguatkuasaan Kawalselia Padi dan Beras untuk menjalankan siasatan terperinci untuk mengesan pembekal sedia ada yang membekalkan benih tidak berkualiti.

Sebelum ini, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendakwa kualiti sebahagian benih padi yang dibekalkan kepada pesawah berada pada tahap mengecewakan, selain kesal kerana isu benih padi sudah lama berlarutan namun gagal diselesaikan agensi kerajaan terlibat.

Dalam perkembangan berkaitan, Mahfuz turut mengumumkan sebuah loji benih padi bawah PPN dan LPP akan

dibina di Kubur Panjang, Pendang.

"Untuk pastikan supaya bekalan benih mencukupi dan berkualiti, loji benih baharu ini dijangka dapat membekalkan kuota benih dalam Jun tahun depan. Kita akan mohon kepada kementerian untuk diberikan kuota pembekalan.

"Loji tersebut dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh empat bulan lagi. Kita akan segera dapatkan surat kelulusan daripada pelbagai pihak untuk pastikan loji dapat beroperasi mengikut jadual," jelasnya.

Sebelum itu, Mahfuz mengadakan lawatan sesi pertama selama tiga hari ke PPK Pokok Sena, Kuala Nerang, Naka, Gurun, Sik, Kuala Ketil serta Padang Serai bagi mendengar permasalahan pesawah di setiap kawasan.